




# **UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU**

**Enakmen A54**

**ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH  
SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU)  
(PINDAAN) 2016**

**Enakmen A54**

BETA BERSETUJU,

**SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Sultan Terengganu

*26.1.2017*

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 [En.Tr. 7/2001].

[ ]

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** ini oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut :

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) (Pindaan) 2016.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 16**

**2.** Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 [En. Tr. 7/2001], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, adalah dipinda dalam seksyen 16—

- (a) dengan memotong perkataan “dalam mukim masjidnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah”;

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “di masjid” perkataan “, kecuali terdapat keadaan-keadaan yang dibenarkan oleh Hukum Syara””;
- (c) dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “tiga ribu ringgit”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “dua tahun”.

### **Pindaan seksyen 19**

**3. Seksyen 19 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan memotong perkataan “tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “dua tahun”.

### **Seksyen baru 24A**

**4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:**

“Perbuatan-perbuatan sumbang

**24A. Mana-mana—**

- (a) orang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkurnung atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan, di mana-mana tempat dan dalam keadaan yang mendatangkan syak, dengan mana-mana perempuan; atau

- (b) orang perempuan yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan, atau berkurung atau bersembunyi, atau bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dan dalam keadaan yang mendatangkan syak, dengan mana-mana lelaki,

yang tertegah di atasnya bernikah menurut Hukum Syara' kerana keturunan, persemedaan, atau susuan adalah melakukan kesalahan sumbang, apabila disabitkan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.”.

#### **Pindaan seksyen 34**

- 5.** Seksyen 34 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “dua tahun”.

#### **Pindaan seksyen 53**

- 6.** Seksyen 53 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “dua tahun”.

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 24 November 2016.

ZULKIFLI BIN ALI  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Terengganu*